

RBP tawar khidmat gosok jubah graduan

Bantu mahasiswa raih pendapat sampingan

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Serdang: Walaupun tugas sekumpulan mahasiswa Rakan Bakti Putra (RBP) Universiti Putra Malaysia (UPM) pada setiap kali majlis konvokesyen berlangsung nampak ringkas namun tahukah anda betapa besarnya jasa mereka kepada graduan yang memerlukan.

Dengan menyediakan perkhidmatan menggosok jubah graduan, menggubah dan menjual jambangan bunga inisiatif yang dijalankan oleh RBP UPM perlu diberi pujian.

Bursar UPM, Zulkiflee Othman, berkata menyediakan perkhidmatan itu adalah antara program RBP yang mula ditubuhkan pada Oktober 2015 bertujuan mempergiat dan memperkukuhkan budaya berinisiatif, berdikari serta berbakti dalam kalangan mahasiswa.

Beliau berkata, program itu di-

selia oleh Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) dengan kerjasama Pejabat Bursar UPM.

“Program ini memberi keutamaan sasaran dalam kalangan penuntut asnaf. Melalui program ini, mahasiswa dapat memberi sumbangan kepada universiti dan pada masa sama membantu mereka agar tidak terlalu bergantung kepada sumbangan atau bantuan kerajaan mahupun universiti semata-mata.

“Mahasiswa berpeluang menambah pendapatan dan dapat mempertingkatkan keupayaan kewangan dalam tempoh pengajian,” katanya ketika ditemui *BH Varsiti*, di sini, baru-baru ini.

Zulkiflee berkata, setakat ini pihaknya berjaya membuka peluang pekerjaan kepada kira-kira 200 mahasiswa kurang berkemampuan.

Katanya, selain menyediakan peluang pekerjaan sambil kepada mahasiswa, kursus berkaitan kemahiran turut didedahkan kepada peserta supaya dapat meningkatkan perkhidmatan yang diberikan.

“Melalui program sebegini, universiti tidak perlu mengupah orang luar, sekali gus mengurangkan kos perkhidmatan.

“Universiti juga dapat memantau keselamatan mahasiswa yang bekerja di dalam kampus, selain waktu kerja yang fleksibel dan bayaran diberikan hampir sama dengan syarikat luar,” katanya.

Sementara itu, pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer), Ummi Adlina Omiza, 22, berkata, pembabitannya dalam RBP bukan sahaja mengharapkan keuntungan upah yang diterima sebaliknya seronok menjadi antara mereka yang ‘sibuk’ membantu pada hari bersejarah setiap graduan.

Katanya, peluang yang diambil itu juga meningkatkan tahap ya-



Ummi Adlina (kanan) bersama, Nur Aqilah Rojudin, menggosok jubah sempena Majlis Konvokesyen Ke-43 UPM baru-baru ini.

(Foto Shahril Badri/BH)

kin diri dan juga kemahiran seperti menggubah bunga dan juga menggosok jubah konvokesyen.

“Mungkin ada orang lihat, perkhidmatan menggosok jubah mungkin tidak laku tetapi inilah perkhidmatan yang dinantikan oleh bakal graduan sebelum men-

jelang hari bersejarah mereka.

“Ada yang tidak sempat menggosok jubah kerana kesuntukan masa, ada juga yang sudah menggosok tetapi apabila tiba di dewan, jubah kelihatan kedut sedikit. Di sinilah, fungsi perkhidmatan kami cukup diperlukan,” katanya.



Zulkiflee (kameja putih) bersama-sama tenaga kerja RBP yang melakukan perkhidmatan menggosok jubah sempena Majlis Konvokesyen Ke-43 UPM baru-baru in.